

06 DEC 2000

Negara-Ezam

SIASATAN TERHADAP TINDAKAN EZAM BURUKKAN PM SELESAI

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Polis telah menyelesaikan siasatan terhadap Ketua Pemuda Keadilan Nasional Ezam Mohd Noor berhubung laporan mengenai pengakuannya terlibat dalam gerakan memburuk-burukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar negara, demikian Dewan Negara diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin berkata hasil siasatan itu telah diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara bagi tindakan selanjutnya.

"Pejabat Peguam Negara akan menentukan sama ada Ezam boleh dihadapkan ke mahkamah di bawah Akta Hasutan 1948," katanya ketika menjawab soalan Senator Datuk Kasim Mh. Yusop.

Menjawab soalan tambahan Senator Rosli Mat Hassan mengenai pendirian kerajaan terhadap perbuatan golongan tertentu memburuk-burukkan pemimpin negara, beliau berkata kerajaan memandang berat perbuatan itu.

Katanya, kerajaan berpegang kepada undang-undang dan hak rakyat seperti yang termaktub dalam perlembagaan, justeru tindakan tidak boleh diambil terhadap seseorang itu selagi perkataan yang diucapkannya tidak melanggar undang-undang.

Zainal Abidin berkata bagaimanapun apa yang diucapkan oleh golongan berkenaan sentiasa diawasi oleh polis atau para pegawai Kementerian Luar jika ucapan itu dibuat di luar negara.

Sementara itu, Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus berkata penyiaran berita mengenai insiden tunjuk perasaan, keganasan dan pembunuhan yang berlaku di luar negara dalam siaran berita RTM adalah untuk memberi kesedaran kepada rakyat.

Katanya, melalui gambaran-gambaran itu diharapkan rakyat lebih menghargai dan mempertahankan keamanan yang sedang dinikmati Malaysia sekarang.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Long Jidin yang mahu tahu rasional RTM menyiarkan berita-berita seperti itu.

-- BERNAMA

AKT MNY RI